



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAJUK : “TEGUHKAN PERPADUAN, HINDARI PERPECAHAN”

19 SEPTEMBER 2014M / 24 ZULQA'DAH 1435H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠٦﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Khatib memperingatkan diri ini dan sidang jemaah yang dimuliakan sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah S.W.T dengan sebenar-benar taqwa, agar kita dapat melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Marilah bersama kita berpegang kepada tali Allah S.W.T yakni dengan menjaga hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan, agar penyatuan ummah dapat direalisasikan bermula di dalam rumah Allah S.W.T yang penuh barakah ini. Nikmat Islam yang dikecapi dan hamparan luas keamanan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta menjalin eratkan hubungan kita sesama manusia. Semoga, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah S.W.T di dalam surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya : *“Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali Allah, dan janganlah berpecah belah”.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“TEGUHKAN PERPADUAN, HINDARI PERPECAHAN”.**

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Perpaduan merupakan satu aspek yang amat ditekankan dalam Islam untuk meniup semangat kerjasama dan bersatu padu dalam kalangan umatnya. Ia merupakan salah satu nilai dalaman yang sangat penting untuk menghadapi rintangan serta pelbagai cabaran daripada pelbagai aspek, kerana perpaduan itu mampu menjadi benteng pertahanan yang teguh. Justeru itu, tidak hairanlah mengapa Islam amat mementingkan nilai-nilai perpaduan agar kesejahteraan dan keharmonian umat Islam terbela. Hal ini sangat bertepatan dengan seruan Allah SWT di dalam al-Quran:

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ^ط وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ رَإِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١﴾

Yang bermaksud : *“Oleh itu, bertakwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan antara kamu, serta taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya, jika betul kamu orang-orang yang beriman”.* (Surah al-Anfaal, ayat 1)

Rasulullah SAW juga ada menyebut akan kepentingan perpaduan. Sebagai contoh hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: ***“Orang Muslim adalah bersaudara, janganlah kamu menganiayanya, janganlah kamu menghinanya dan janganlah kamu merosakkannya”.***

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam era yang serba maju dan canggih ini, jika tiada langkah-langkah yang tepat diambil untuk memastikan perpaduan terus terserap dalam kalangan umat Islam, pasti nilai-nilai perpaduan itu sendiri akan hilang daripada diri mereka. Hal ini akan mengakibatkan negara dan rakyat menuju kehancuran jika benteng pertahanan rapuh. Mereka akan berhadapan dengan situasi hilangnya kepercayaan antara satu sama lain, sikap saling musuh memusuhi dan paling penting ia akan menjejaskan kesucian agama Islam serta mengakibatkan Islam itu sendiri dipandang enteng oleh agama lain. Oleh kerana itu, Islam amat mementingkan sifat bersatu padu dan bertoleransi dalam diri setiap umatnya. Selain itu, pepatah melayu ada menyebutkan “**bersatu kita teguh, bercerai kita roboh**”. Apa yang dapat kita fahami daripada pepatah ini ialah kita akan menjadi kuat jika kita bersatu padu dan akan menjadi lemah jika kita berpecah belah. Justeru itu, sempena dengan sambutan hari Malaysia yang telah disambut baru-baru ini, marilah kita sama-sama menghayati tujuan sebenar sambutan ini diadakan agar keamanan yang telah kita kecapai sebagai sebuah persekutuan yang berdaulat dapat dikekalkan.

Hari Malaysia yang disambut oleh negara kita pada 16 september setiap tahun adalah hari tertubuhnya secara rasmi Persekutuan Malaysia yang menggabungkan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura menjadi satu sejak 51 tahun yang lalu. Impak daripada penggabungan tersebut, dapat kita lihat dan kecapai sehingga hari ini. Melaluinya perpaduan sesama

rakyat Malaysia daripada pelbagai pelusuk kawasan, pelbagai bahasa, budaya dan amalan dapat kita tonjolkan. Sikap bersatu dalam mempertahankan keamanan negara tercinta juga dapat kita gapai, dan tidak lupa juga semangat cintakan negara dapat dibentuk dalam hati setiap rakyat Malaysia.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Kita sedia maklum, Rasulullah SAW adalah sebaik-baik manusia, dan setiap perlakuan, perbuatan, percakapan yang disandarkan kepada Baginda SAW, haruslah kita contohi dan teladani. Contohnya dalam aspek perpaduan dan persefahaman. Nabi Muhammad SAW telah membawa pendekatan yang begitu baik dalam mewujudkan persefahaman antara masyarakat. Budaya yang dahulunya berteraskan keta'asuban kepada kabilah yang diwarisi daripada nenek moyang bertukar menjadi lebih Islamik dan mempunyai ciri-ciri nilai sejagat.

Dalam piagam Madinah, Rasulullah SAW telah membuat ketetapan kepada semua penduduk Madinah agar menyayangi dan menghormati bumi Madinah. Antara yang termaktub dalam Piagam tersebut ialah: **“Sesiapa yang cenderung atau melakukan perkara-perkara yang menjejaskan perpaduan dalam kalangan warga Madinah, maka orang itu dikira sebagai mencabul kesejahteraan Madinah”**. Inilah perkara utama dan menjadi asas kepada kepimpinan Rasulullah SAW dalam mentadbir dan menyatukan semua penduduk Madinah.

Sejarah juga turut memaparkan ketika zaman khalifah Umar al-Khattab RA, kerajaan Islam begitu kuat dan ajarannya berkembang dengan begitu pesat sehingga menaungi dua pertiga daripada dunia. Kejayaan pemerintahan mereka adalah diasaskan kepada kemampuan mereka menghayati prinsip-prinsip pentadbiran negara berpandukan al-Quran, iaitu prinsip “**al’adl wal-ihسان**” iaitu memupuk keadilan dan kasih sayang dalam kalangan umat manusia sebagaimana yang disebut dalam surah an-Nahl, ayat 90:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya : “*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan ini), supaya kamu mengambil peringatan.*”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Kita sering didedahkan dengan pelbagai bentuk usaha oleh pelbagai pihak dalam memastikan keamanan dan kedamaian yang kita kecapai sekarang ini terus dikekalkan. Namun, setelah sekian lama, langkah-langkah dan usaha-usaha tersebut masih belum menampakkan hasilnya. Rakyat Malaysia amnya dan umat Islam khususnya masih tidak memahami erti sebenar perpaduan selagi kita masih tetap bertelagah dan tiada

kesepakatan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Justeru itu, beberapa langkah wajar diambil perhatian. Antaranya ialah:

Pertama: Muhasabah diri. Hal ini penting dalam memastikan perpaduan dapat dibentuk dan dikekalkan dalam kalangan umat Islam. Firman Allah:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud : *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (daripada amalannya) untuk hari esok (hari akhirat), dan (sekali lagi diingatkan); bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (Surah al-Hasyr, ayat 18).*

Kedua: Amalkan sikap toleransi antara masyarakat dengan saling menerima antara satu sama lain. Sentiasa sedar dan tahu tanggungjawab sebagai anak bangsa serta berkerjasama ke arah mewujudkan persefahaman.

Berdasarkan kepada perkara ini, segala sikap mementingkan diri sendiri, keterlaluan dalam pemikiran dan sifat keegoan yang melampau haruslah dibendung dan dihindari. Sekiranya perkara-perkara ini tidak dibendung

dan diambil berat oleh semua pihak, nescaya nilai-nilai perpaduan dan keharmonian dalam kalangan umat Islam akan hilang dan akibatnya perpecahan dan permusuhan berleluasa.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Percayalah bahawa perbezaan agama, bangsa dan budaya bukanlah penghalang jalinan kerukunan dan kedamaian antara sesama manusia. Meskipun kita bergaul dengan orang yang berbeza iktikad dan keyakinan, tetapi kedamaian hidup tetap menjadi keutamaan.

Allah SWT ternyata mengizinkan umat-Nya untuk menjalin kerjasama dan berbuat baik kepada orang yang berbeza akidah sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang membawa maksud: **“Sesiapa menyakiti orang bukan Islam (Ahli Zimmah) yang berada di bawah perlindungan Islam, maka sesungguhnya dia telah menyakiti aku, dan sesiapa yang menyakiti aku, maka sesungguhnya dia telah menyakiti Allah.”** (Riwayat at-Tabrani).

Mengakhiri khutbah minggu ini, sempena Hari Malaysia yang baru disambut beberapa hari yang lalu, marilah kita sama-sama memperteguhkan perasaan kasih dan sayang kepada negara dengan memupuk kesetiaan kepada pemimpin demi mengekalkan keamanan serta menjaga kestabilan negara ini daripada sebarang bentuk ancaman. Insafilah bahawa keamanan negara ini bukan datang bergolek tetapi adalah daripada pengorbanan semua pihak, sama ada daripada rakyat

atau pemimpinnya. Justeru, mimbar mengingatkan jemaah janganlah kita menjadi seorang muslim yang gemar menghuru-harakan keadaan, mengadu-domba sesama kita, malah memutarbelitkan fakta sejarah perjuangan dalam negara mencapai kemerdekaan dan penubuhan Malaysia. Cintailah keamanan yang wujud di negara kita ini dan peliharalah ia sebaik mungkin. Ingatlah bahawa kesetiaan rakyat kepada pemerintah merupakan sebahagian daripada tuntutan Islam. Pendekatan ini wajar diteruskan kerana kita menyakini gesaan Allah SWT yang meletakkan persoalan iman sebagai syarat utama kejayaan umat Islam di dunia ini dan di akhirat kelak. Semoga Malaysia yang tercinta ini terus maju, aman dan damai serta menjadi payung dan pelindung kepada Islam dan umatnya. Dalam surah al-An'am ayat 108, Allah SWT telah berfirman:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ

ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu memaki mereka yang menyembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pandangan setiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat mereka kembali, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.”*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.